

10/12/2000

Keputusan Aziz letak jawatan terlalu awal: Mahathir

Zainudin Isa

KUALA LUMPUR: Keputusan Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir meletak jawatannya adalah terlalu awal ketika parti itu masih mengkaji faktor kekalahan pada pilihan raya kecil Lunas.

"Saya fikir dia buat keputusan terlalu awal," kata Perdana Menteri yang juga Presiden Umno pada sidang akhbar selepas melawat Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi di Wisma Tanah di sini, semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ditanya mengenai tindakan Aziz menghantar surat peletakan jawatannya pada 1 Disember lalu kepadanya kerana berasa bertanggungjawab atas kekalahan BN di Lunas.

Bagaimanapun, kelmarin, Abdul Aziz mengumumkan menarik balik keputusannya itu selepas berbincang dengan kepimpinan Pemuda yang diterajui Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Ditanya apakah tindakan meletakkan jawatan kini menjadi satu budaya dalam parti, Dr Mahathir berkata:

"Saya tidak tahu, mungkin ia satu budaya, saya tidak fikir dia akan mendapat sesuatu."

Bagaimanapun, beliau tidak menafikan ada orang yang mengugut untuk berhenti dan meletakkan jawatan kerana ingin mendapatkan sesuatu untuk kepentingan dirinya.

"Tapi, saya tidak fikir dia (Abdul Aziz) mendapat lebih daripada itu ... bukan dia boleh jadi Ketua Pemuda kerana dia 'resign' (meletak jawatan)," katanya.

Mengenai kenyataan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba kelmarin bahawa salah satu faktor kekalahan Barisan Nasional (BN) di Lunas disebabkan pekerja parti tidak mempunyai maklumat mencukupi mengenai dasar kerajaan, Dr Mahathir berkata, semua pihak harus menunggu hasil kajian mengenai punca kekalahan BN di pilihan raya itu.

"Yalah, soalnya bila sesuatu pilihan raya habis dan kita kalah, biasanya kita kecewa dan masa kecewa itu keputusan yang dibuat itu tidak bijak.

"Kita harus menunggu sehingga kita mengkaji semua faktor barulah kita boleh buat keputusan, siapa yang salah, siapa yang tak salah.

"Masa kalah itu terasa, kita berasa tidak normal. Misalnya, ketika saya membuat pembedahan jantung dulu, saya diberitahu oleh doktor supaya jangan membuat apa-apa keputusan.

"Satu dua hari itu, kita fikir dunia ini seperti hendak berakhir, tetapi sebenarnya dunia tidak berubah langsung kerana pada masa itu kita sakit. Benda yang sama berlaku di sini (Lunas). Bila menang dia melompat," katanya.

Ghafar antara lain dipetik sebagai berkata, disebabkan tidak mempunyai maklumat yang mencukupi, pekerja parti menghadapi masalah untuk menerangkan dasar kerajaan seperti isu Sekolah Wawasan.

Selain itu katanya, untuk memenangi pilihan raya pekerja parti sepatutnya tinggal dengan orang ramai dalam kawasan terbabit bagi membolehkan mereka menerangkan dasar kerajaan.

(END)